

# PM Lee: PAP di titik perubahan lagi, perlu bersama warga majukan SG

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

PARTI Tindakan Rakyat (PAP) kini berada di satu lagi titik perubahan, sedang mereka melalui peralihan pucuk pimpinan dan menghadapi pengundi generasi baru, kata Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong.

Membuat perbandingan antara keadaan sekarang dengan 1985 ketika parti itu menjalani peralihan pucuk pimpinan untuk memberi laluan kepada pemimpin generasi kedua, Encik Lee berkata PAP kini berada di tengah-tengah peralihan pucuk pimpinan untuk memberi laluan kepada pemimpin generasi keempat, memulakan babak baru dalam kisah PAP.

“Anggota Parlimen (AP) PAP yang diundi buat kali pertama pada 1984 semuanya telah bersara kecuali saya,” ujarnya semasa berucap di pelancaran buku *A History of the People's Action Party, 1985-2021* di Pusat Budaya Universiti (UCC) Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Tambahnya, generasi perintis pengundi yang jumlahnya mula berkurangan pada 1985 kini kebanyakannya sudah tiada lagi, dengan sekitar 60 peratus daripada pengundi sekarang dilahirkan selepas Singapura meraih kemerdekaan dan membesar dalam keadaan negara yang stabil.

Dan seperti pada 1985, Encik Lee berkata terdapat banyak soalan tentang masa akan datang dalam fikiran orang ramai.

Ini termasuk bagaimana PAP dan pasukan pemimpin generasi keempatnya akan menangani cabaran baru serta sama ada mereka berupaya mengatasi kesukaran dan terus memajukan Singapura.

Memandang ke hadapan, Encik Lee berkata PAP juga harus sentiasa bekerja rapat dengan warga Singapura untuk memajukan negara ini.

Buku yang dilancarkan semalam ditulis

oleh Ketua Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Nasional (CENS) di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Dr Shashi Jayakumar.

Encik Lee berkata buku itu menerangkan bagaimana PAP berusaha membina masyarakat yang padu di sini, memupuk persefahaman dan sepersetujuan dalam kalangan kumpulan berbeza serta mempertingkatkan kehidupan segenap lapisan warga.

Buku itu turut mengkaji bagaimana pemerintah PAP antara lain mendekati dan mendengar keprihatinan rakyat, menyesuaikan dasar kepada keperluan warga yang berubah-ubah serta mewujudkan pekerjaan baik dan piawai tinggi dari segi perumahan, penjagaan kesihatan dan pendidikan, hingga berjaya meraih keyakinan dan mandat rakyat.

Selain itu, buku tersebut juga menyingkap bagaimana PAP terus menjalani transformasi dan pembaharuan selama ini serta membawa pembaca menyusuri detik parti itu perlu membuat keputusan sukar.

Menarik perhatian salah satu tema yang dipaparkan dalam buku itu – iaitu sifat responsif PAP – semasa berucap di majlis semalam, Dr Jayakumar berkata banyak mekanisme maklum balas dan inovasi dalam parlimen untuk mendapatkan pandangan yang pelbagai dilaksana pada 1980-an.

Namun, menurut kajiannya, mendiang Encik Lee Kuan Yew dan rakan kerja yang rapat dengan beliau telah memikirkan hal itu seawal 1960-an.

“Sebahagian daripada sifat responsif ini juga hasil usaha AP PAP dalam masyarakat, menjalin hubungan dengan penduduk dan mencuba cara baru untuk mendekati mereka walaupun masa dan orangnya berubah,” ujar beliau.

■ **PAP terus pikul kewajipan berat bagi keselamatan, kejayaan SG**  
– Muka 2



# PAP terus pikul kewajipan berat bagi keselamatan, kejayaan SG: PM Lee

Harap buku baru kisah PAP sejak 1985 beri perspektif, sejarah kepada perjalanan parti dan bantu pembaca fahami bagaimana Singapura capai apa yang dimilikinya sekarang

► **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

TEMPOH 35 tahun akan datang agak berbeza daripada 35 tahun lalu namun tugas parti pemerintah, Parti Tindakan Rakyat (PAP), bukan memramal masa akan datang tetapi menciptanya.

Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, berkata demikian semasa berucap di pelancaran buku yang membentangkan kisah PAP sejak 1985 – *A History of the People's Action Party, 1985-2021* – di Pusat Budaya Universiti (UCC), Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

“PAP terus memikul tanggungjawab berat bagi keselamatan, kestabilan dan kejayaan Singapura. Mereka harus sentiasa bekerja rapat dengan warga Singapura untuk memajukan negara ini,” ujar Encik Lee, yang juga setiausaha agung parti itu.

Buku terbitan NUS Press itu menyingkap kegiatan dan peristiwa parti tersebut antara 1985 dengan 2021.

Buku hampir 800 halaman itu ditulis oleh Ketua Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Nasional (CENS) di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Dr Shashi Jayakumar.



**SUMBER INSPIRASI GENERASI BARU:** Encik Lee berharap buku yang membentangkan kisah PAP sejak 1985 – *A History of the People's Action Party, 1985-2021* – tulisan Dr Shashi Jayakumar (*kanan*) dapat memberi inspirasi kepada generasi akan datang, termasuk aktivis parti, pemimpin parti dan warga Singapura, untuk kekal komited, bijak dan tegas dalam usaha mencipta masa depan lebih cerah buat Singapura. – Foto-foto BH oleh MARK CHEONG

Dalam ucapannya, Encik Lee menarik perhatian bahawa PAP sedang menghadapi titik perubahan, menjalani peralihan pucuk pimpinan daripada pasukan pemimpin generasi ketiga kepada generasi keempat.

Keadaan ini serupa keadaan pada 1985, dengan peralihan pucuk pimpinan daripada pemimpin generasi pengasas PAP kepada pemimpin generasi kedua berada pada tahap akhir.

Ketika itu, hanya Perdana Menteri Pengasas Lee Kuan Yew, Encik S. Rajaratnam dan Encik E.W. Barker kekal berkhidmat dalam Kabinet baru.

Jumlah undi bagi PAP menjunam 12.9 peratusan mata kepada 64.8 peratus semasa Pilihan Raya Umum

1984, yang turut menyaksikan perubahan generasi dalam kalangan pengundi.

Buat pertama kali sejak Singapura merdeka, PAP mendapat kurang 70 peratus daripada undi secara keseluruhan, kata Encik Lee.

Malah, Encik Lee Kuan Yew ketika itu berkata generasi pengundi lebih berusia yang menyokong PAP pada tahun awal pembangunan Singapura semakin berkurangan dan digantikan oleh generasi lebih muda yang lebih berpendidikan dan jangka lebih banyak daripada pemimpin mereka.

Dengan PAP kelihatan kehilangan penguasaan politiknya, Encik Lee berkata: “Itu merupakan detik untuk mengkaji diri, malah menjadi

satu keprihatinan. Apakah masa depan parti ini dan Singapura?”

Kini, Encik Lee satu-satunya daripada kumpulan Anggota Parlimen PAP tahun 1984 yang belum bersara sementara pengundi generasi perintis hampir sudah tiada lagi.

Sekitar 60 peratus pengundi sekarang dilahirkan selepas Singapura mencapai kemerdekaan dan membesar dalam keadaan Singapura yang stabil, dengan menikmati kemajuan baik tahun demi tahun selain meraih manfaat daripada usaha bersama negara membangunkan ekonomi dan membina identiti Singapura.

“Aspirasi, harapan dan jangkauan pengalaman hidup sepanjang pengundi muda semasa pilihan raya umum pada 1984,” ujar Encik Lee.

Meskipun PAP meraih mandat kukuh dalam pilihan raya umum tahun lalu, beliau berkata jumlah undi yang diperoleh parti itu berkurangan 8.6 peratusan mata kepada 61.2 peratus.

Buat pertama kali juga, PAP kehilangan dua GRC kepada parti pembangkang.

Oleh itu, beliau berharap buku yang dilancarkan semalam dapat memberikan perspektif dan sejarah kepada perjalanan PAP sepanjang beberapa dekad lalu dan membantu pembaca memahami bagaimana Singapura mampu mencapai apa yang dimilikinya sekarang.

Meskipun warga yang melalui pengalaman hidup sepanjang beberapa dekad lalu mungkin tidak meng-

anggap kestabilan, kemajuan dan kejayaan negara ini sebagai sesuatu yang menakjubkan, Encik Lee berkata ia tidak dijangka, tidak berlaku secara sendiri dan tidak berlaku di banyak negara lain.

“Bagaimana Singapura berjaya mencapainya? PAP adalah sebahagian penting daripada penjelasannya,” ujar beliau.

Oleh itu, Encik Lee berkata kisah sejarah PAP dari 1985 hingga 2021 wajar diketengahkan dan difahami.

“Saya harap buku ini akan... yang paling penting, memberi inspirasi kepada generasi akan datang – aktivis parti, pemimpin parti dan warga Singapura – untuk kekal komited, bijak dan tegas dalam usaha menceburi masa depan yang lebih cerah buat Singapura,” kata Encik Lee.